

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HMP 403 Analisis Kontrastif Bahasa-Bahasa Di Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan. Setiap soalan membawa markah yang sama.

1. Kekhilafan-kekhilafan yang dilakukan oleh pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua menggambarkan perkembangan kecekapan atau kemampuan di dalam proses pembelajaran bahasa kedua itu. Bincangkan pernyataan ini dengan mengambilkira situasi di Malaysia.
2. Bincangkan peranan analisis kekhilafan di dalam pengajaran pemulihan seperti yang terdapat di dalam artikel 'Error Analysis and Remedial Teaching' oleh S.Pit Corder (1982).
3. Bandingkan sistem vokal dan konsonan salah satu daripada pasangan bahasa berikut:
 - (a) bahasa Malaysia dan bahasa Tamil
 - (b) bahasa Malaysia dan bahasa Cina.

Kaitkan jawapan anda dengan proses pembelajaran bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua.

4. Perhatikan ayat-ayat bahasa Malaysia (BM), bahasa Cina (BC) dan bahasa Tamil (BT) berikut, kemudian jawab soalan (a) dan (b).

BM Ia melihat buku itu.

BC Ta kan nei ben shu
Ia lihat itu buah buku

BT Avan antap puttakatt-aik kaanh-ukirh-aan
Ia itu buku-objek lihat-kini-ia

(Lufti Abas, 1977: 5 dan 20)

.../2